

Amaran kepada peniaga jangan naikkan harga barang

UM 17 SEP 2001

KUALA LUMPUR 16 Sept. — Kerajaan memberi amaran kepada para peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat (AS), Selasa lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan harga barang dari semasa ke semasa terutama selepas kejadian serangan itu.

Menurut beliau, tindakan tegas akan diambil jika terdapat peniaga yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya.

“Saya beri ingatan kepada peniaga supaya tidak menjadikan serangan ke atas AS sebagai alasan untuk menaikkan harga barang,” tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar Kesedaran Kepenggunaan di Pusat Belia Antaraba-

ngsa, Bandar Tun Razak, di sini hari ini.

Beliau mengulas kejadian serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington, Selasa lalu.

Mengulas lanjut, Muhyiddin menjelaskan, pihaknya tidak menolak serangan tersebut akan memberi kesan kepada ekonomi dalam jangka masa panjang.

Keadaan yang tidak menentu itu, kata beliau, akan menyebabkan kos pengeluaran barangan di AS meningkat.

Meminta

Sehubungan itu, tegas beliau, kerajaan meminta peniaga supaya lebih bertanggungjawab dalam menghadapi situasi sekarang.

“Kita bimbang mereka (peniaga) mengandaikan tidak lagi mendapat untung seperti dulu, maka mereka menaikkan harga barang sehingga membebankan pengguna,” katanya.

Muhyiddin memberitahu,

AS merupakan rakan dagang utama Malaysia berdasarkan nilai eksport dan import yang tinggi setiap tahun.

Katanya, antara barangan yang paling banyak diimport oleh Malaysia dari AS ialah tekstil, barangan elektrik, komponen komputer dan makanan.

Bagaimanapun, beliau yakin ekonomi Malaysia tidak akan banyak terjejas apabila beberapa langkah fiskal diambil oleh kerajaan.

“Dasar ekonomi kita cukup kukuh. Masalah seperti ini bukan pertama kali berlaku. Kerajaan pastinya akan mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah ini,” jelasnya.

Muhyiddin menambah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mungkin akan mengumumkan langkah-langkah fiskal pada pembentangan Belanjawan 2002 nanti.